

23 ketua bahagian hantar memorandum kepada Dr M

> MB Johor tidak tahu kandungan

Oleh Badrul Kamal Zakaria
badrulkamal@bh.com.my

Seramai 23 Ketua Bahagian BERSATU Johor dikatakan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri yang juga Pengerusi parti itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, di Putrajaya, kelmarin.

Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahrudin Jamal, mengesahkan ada dimaklumkan berhubung perkara, itu tetapi tidak mengetahui kandungan memorandum berkenaan.

"Saya diberitahu mereka (23 Ketua Bahagian BERSATU Johor) menghantar memorandum kepada Tun (Dr Mahathir) tetapi isi

(kandungan) memorandum itu, saya kurang pasti.

"Saya cuma mendapat maklumat ia ditandatangani oleh 23 Ketua Bahagian (BERSATU Johor)," katanya.

Beliau ditemui *BH* pada Program Berbuka Puasa dan Solat Tarawih di Masjid Jamek Lengat Batu 28, Pagoh di sini, kelmarin.

Tak bincang isu jawatan Pengerusi BERSATU Johor

Ditanya mengenai kenyataan Dr Mahathir sebelum ini yang menjelaskan isu jawatan Pengerusi BERSATU Johor tidak dibincangkan pada pertemuannya bersama Menteri Besar Johor dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) di Putrajaya baru-baru ini, Dr Sahrudin mengakui per-

kara berkenaan.

"Memang kami tidak bangkitkan hal pengerusi (BERSATU Johor) kerana saya hadir bersama 10 EXCO untuk berbincang bersama Tun, mendengar nasihat Tun untuk memastikan kerajaan kita dapat bergerak di landasan yang betul," katanya.

Mengulas ura-ura mengenai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Larkin, Mohd Izhar Ahmad, dikatakan bakal melepaskan jawatan dan keluar parti, Dr Sahrudin menegaskan tidak dimaklumkan mengenai perkara itu.

"Saya tidak maklum. Tadi saya ada WhatsApp dengan dia (Mohd Izhar), berbual dengan dia.

"Dia tidak menyuarakan niat melepaskan jawatan atau keluar parti," katanya.



Dr Sahrudin (dua dari kanan) menunaikan solat Tarawih di Masjid Jamek Lengat Batu 28, Pagoh,

Saya cuma mendapat maklumat ia ditandatangani 23 Ketua Bahagian (BERSATU Johor)"

Dr Sahrudin Jamal,
Menteri Besar Johor

Harap isu berakhir segera

Dr Sahrudin yang juga ADUN Bukit Kepong, berharap semua isu akan berakhir segera dan mahu semua pihak bergerak ke hadapan.

"Apa yang lepas, biarkan berlalu. Kalau boleh, jangan kita cerita balik yang sudah lepas, bergerak ke hadapan untuk membuka cerita baharu.

"Kita perlu memastikan masyarakat dapat hidup lebih baik, aman dan elakkan sengketa sesama kita. Ini pun bulan puasa, kita buka lembaran baharu menjadi lebih baik, bersahabat dengan semua tidak kira kawan atau musuh.

"Kurangkan berpolitik dan ini adalah waktunya untuk kita berkerja," katanya.